

Headline **Peluang miliki barang lelong artis**
Date **14 Aug 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **Rozdan Mazalan**
Frequency **Daily**
ADValue **11,412**

Language **Malay**
Page No **26**
Article Size **538 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **34,236**



Peluang miliki **barang lelong artis**

Bazar Amal anjuran Karyawan kumpul dana bantu penghidap Aids, kanak-kanak positif HIV

Oleh **Rozdan Mazalan**
rozdan@bharian.com.my

DIANGGARKAN lebih 30 selebriti bakal hadir memeriahkan acara lelongan barangan peribadi kepada peminat dalam Karya 1Malaysia Bazar Amal bagi tujuan mengisi tabung Yayasan Aids Malaysia.

Bazar Amal yang dianjurkan Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia mengambil inisiatif ini selepas menyedari tanggungjawab sosial yang perlu dilunaskan oleh semua individu.

Presiden Karyawan, Freddie Fernandez berkata, selebriti yang bernaung di bawah Karyawan bukan saja berperanan dalam memberi hiburan semata-mata kepada masyarakat, malah sentiasa mengambil bahagian dalam aktiviti sosial yang bertujuan membantu masyarakat.

"Bagi pihak karyawan, masyarakat adalah individu yang bertanggungjawab dalam menyokong pembabitan selebriti di dalam kerjaya mereka. Tanpa masyarakat siapalah selebriti dalam industri hiburan ini.

"Justeru program Bazar Amal ini di adakan khas untuk membantu meringankan beban masyarakat khususnya golongan yang tidak bernasib baik sebagai penghidap Aids.

"Dimaklumkan statistik menunjukkan hampir 10 orang rakyat Malaysia dikenal pasti sebagai positif HIV dan ada antaranya adalah kanak-kanak yang tidak berdosa yang didapati berjangkit daripada genetik ibu bapa mereka.

"Karyawan menyeru lebih ramai selebriti tampil mengambil bahagian untuk menyertai program yang akan berlangsung pada 16 Ogos ini bermula jam

12 tengah hari sehingga jam 6 petang bertempat di tingkat 3 Kompleks Amcorp Mall, Petaling Jaya," katanya.

Menurut Freddie, program yang dianjurkan Biro Muda Karyawan ini akan disertai selebriti daripada pelbagai bidang seperti penyanyi, pelakon, juruhebah radio, peragawan dan peragawati serta banyak lagi.

"Antara selebriti yang sudah mengesahkan kehadiran mereka adalah Dayang Nurfaizah, Rahim Maarof, Amelia, Ifa Raziah, Aizat, Faizal AF, Ikhwal, Stacy, Dafi, Angeline Wong, Andrew Tan, Sivakumar, Boy Iman, Syahrul dan ramai lagi.

"Kita juga mengalukan mana-mana artis yang mendengar mengenai program ini tetapi tidak tahu bagaimana untuk menyertainya agar menghubungi pejabat Karyawan di talian 03-79552967 atau 012-3152185 (Shaliza)," katanya.

Sementara itu, menyedari masalah penyakit berjangkit selesema babi yang semakin membimbangkan, penganjur akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mengambil langkah berjaga-jaga.

"Kita juga akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan yang akan menempatkan pekerja mereka bagi mengedarkan topeng muka di bazar itu nanti.

"Asalnya kita mahu mengundang kanak-kanak HIV dari Yayasan Aids Malaysia bagi

mendekatkan mereka dengan artis tetapi memikirkan mereka adalah antara golongan berisiko tinggi dijangkiti pelbagai penyakit kita terpaksa batalkan kehadiran mereka," katanya.

Aizat, salah seorang artis yang akan mengambil bahagian, akan membawa lebih 20 barangan peribadi untuk dilelong.

"Semuanya mempunyai kisah tersendiri bermula pembabitan awal saya dalam dunia hiburan ini bermula dari Akademi Fantasia lagi. Jika hendak ikutkan memang saya sayang semua barangan ini kerana saya tidak mahu lupa asal usul saya dari dulu terutama membabitkan

saiz. Namun kerana tanggungjawab membantu kanak-kanak HIV ini saya korbankan segala kenangan saya.

"Selain pakaian yang akan dilelong, banyak lagi barang yang sudah lama saya tidak pakai akan turut dilelong seperti kasut, kaca mata, kek cawan yang akan saya buat sendiri dan banyak lagi barang lain yang akan saya pilih di rumah nanti," katanya yang merancang untuk mengadakan lebih banyak kerja amal termasuk mengajak anak yatim berbuka puasa bersamanya nanti.

Rahim Maarof akan melelong kot hitam belang yang dipakai ketika Anugerah Juara Lagu. Ketika itu dia menyampaikan lagi *Dir* yang cukup bermakna baginya.

"Selain itu banyak lagi baju pada era Battle of The Band yang menyimpan seribu kenangan turut dilelong. Barangan lain seperti kaset lama saya menerusi album *Merah* yang memuatkan lagu *Usang*, koleksi key chain yang saya simpan dari tahun 90-an dan apa saja yang saya rasa perlu.

Dayang Nurfaizah yang juga Biro Muda Karyawan turut tidak mahu ketinggalan mengumpul apa saja barangan peribadinya bagi acara lelong itu nanti.

"Saya sudah bersedia awal untuk menyertai acara lelong amal ini. Kesemua barangan yang akan di lelong itu adalah koleksi yang saya sayang. Pakaian yang dilelong itu

antaranya saya pakai ketika persembahan, fotografi dan pakaian harian saya.

"Selain pakaian, saya juga akan melelong barangan lain seperti aksesori, kaca mata Levis, kasut, novel dan yang paling mahal adalah diri saya untuk makan malam bersama.

"Siapa yang membida paling tinggi mereka akan dapat makan malam bersama saya di hotel terkemuka. Bagi peminat yang ingin membuat permintaan apa saja lagu turut boleh berbuat demikian dengan membida sesama mereka. Saya akan nyanyi

Headline **Peluang miliki barang lelong artis**
Date **14 Aug 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **Rozdan Mazalan**
Frequency **Daily**
ADValue **11,412**

Language **Malay**
Page No **26**
Article Size **538 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **34,236**

lagu permintaan mereka," katanya yang menawarkan pakej spa kepada pembida yang berjaya.



DARI KIRI; Dayang Nurfaizah, Rahim Maarof, Caprice dan Aizat bersama barangan mereka yang akan dilelong.